

**BN Diramal Terus Berkuasa Dan Perolehi Majoriti Dua Pertiga Pada PRU-13
Bernama
16 April , 2012**

JOHOR BAHRU, 16 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) diramal akan terus mengekalkan tampuk kekuasaannya selepas pilihan raya umum ke-13 (PRU 13) dan merampas semula beberapa negeri yang kini diperintah oleh parti pembangkang, demikian menurut kajian Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).

Pengarah Bahagian Gerak Sarafnya Taharuddin Yaakob hari ini berkata, kajian itu juga menunjukkan BN akan memperoleh semula majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang ini.

"Rakyat menghargai kesungguhan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Belum pernah dalam sejarah, seorang Perdana Menteri membentangkan kad laporan untuk penilaian rakyat sebagaimana yang dilakukan oleh Datuk Seri Najib," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Ketua Pengarah JASA Datuk Fuad Hassan pada majlis bersama pegawai JASA dan aktiviti JASA Negeri Johor, yang turut dihadiri pengarah JASA Johor Mohammad Abu Bakar, di sini.

Taharuddin turut menyampaikan imbuhan wang tunai RM3,000 kepada 37 bekas pegawai JASA Johor dan komputer riba kepada 80 pegawai JASA negeri yang berkhidmat di kawasan-kawasan Parlimen serta Dewan Undangan Negeri Johor.

Katanya, walaupun kajian JASA itu menunjukkan peluang BN di Pulau Pinang yang kini diperintah oleh DAP sebagai "malap", tetapi peluangnya di negeri-negeri lain yang diperintah pembangkang adalah amat cerah.

"Di Kedah, peluang BN untuk merampas semula negeri ini adalah cerah, manakala di Selangor pula, walaupun ia menunjukkan sinar yang baik tetapi pengurusan isu pengundi bukan Melayu perlu dipertingkatkan," katanya.

Kesimpulannya, kata Taharuddin, BN akan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding 2008 dengan memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum kali ini dan memperoleh semula majoriti dua pertiga.

"Insya-Allah, BN akan menang pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Menurutnya, pembangkang kini memainkan pelbagai isu bagi mengelirukan rakyat serta memburukkan persepsi orang ramai terhadap kerajaan dan bukannya bertujuan meminta jawapan.

Sementara itu, beliau berkata, imbuhan wang tunai itu merupakan rasa penghargaan kerajaan terhadap pergorbanan yang dilakukan oleh bekas-bekas pegawai JASA itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659367>